Khatam Al-Quran sempena 50 Tahun Sekolah Ugama OKBI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (tiga, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena 50 Tahun Penubuhan Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran sempena 50 Tahun Penubuhan Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok (SUOKBIS) disertai 50 peserta yang terdiri daripada 20 murid Darjah Pra hingga Darjah VI sekolah tersebut .

In termasuk 15 peserta penduduk Kampung Subok dan 15 peserta lagi penduduk dari Kampung Belimbing yang pernah belajar dan telah selesai khatam Al-Quran di sekolah berkenaan.

Majlis Khatam berlangsung di Masjid Kampung Belimbing, Subok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara.

Setelah itu, para peserta seterusnya membacakan Surah Ad-Dhuha hingga An-Nas.

Bacaan Tahtim dipersembahkan oleh guru-guru, murid-murid Darjah IV, V dan VI serta Ahli Takmir Masjid Perempuan.

Doa Khatam seterusnya dibacakan oleh Awang Mohammad Hazim bin Sulaiman.

Sementara Dikir Asyraqal pula dibawakan oleh para guru, murid Darjah IV, V dan VI serta Ahli Takmir Masjid Lelaki.

Pada majlis itu juga, Yang Berhormat berkesempatan merenjis minyak wangi dan menyampaikan sijil kepada peserta.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama. dan SUOKBIS.

MAJLIS Khatam Al-Quran sempena 50 Tahun Penubuhan Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok diadakan di Masjid Kampung Belimbing, Subok.

Kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad semasa menerima penerangan tentang pameran berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Festival Bahasa Arab dihasrat untuk menggalakkan penyertaan daripada para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan orang ramai untuk sama-sama mencintai bahasa Arab.

Festival yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Festival Bahasa Arab selama seminggu yang kini berlangsung di Auditorium UNISSA sehingga 10 Februari ini.

Festival bertemakan 'Ke arah Mewujudkan Persekitaran Bahasa Arab Yang Kondusif' telah dirasmikan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Setiausaha Kedua di Kedutaan Oman di Negara Brunei Darussalam, Salim bin Masoud Al-Rahbi dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Festival Bahasa Arab, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad serta pegawai-pegawai utama UNISSA.

Pada perasmian tersebut, Dr. Arman menjelaskan kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadah dan juga bahasa Ilmu.

Oleh yang demikian, kemahiran bahasa Arab itu sangat diperlukan lebih-lebih lagi bagi pelajar UNISSA kerana bahasa Arab adalah sebagai bahasa penghantar bagi hampir semua program di UNISSA.

Dengan adanya festival sebegini, partisipasi dan kerjasama semua pelajar dari semua fakulti dan pusat perlu ada bagi sama-sama merealisasikan tema festival pada tahun ini.

Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Siti Sara, selaku Pengerusi Jawatankuasa Festival berkata, festival itu merupakan acara kali ketiga dianjurkan oleh UNISSA.

Festival tersebut merupakan platform bagi pelajar UNISSA dan pelajar luar UNISSA untuk sama-sama memahirkan diri dalam menggunakan bahasa Arab dengan ikut serta dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti permainan bahasa Arab, Pertandingan Debat, khutbah, syair dan sebagainya.

Apa yang menarik dalam festival itu ialah para pelajar digalakkan untuk menyumbang idea dan kreativiti dalam mempelbagaikan jenis permainan bahasa Arab.

Dalam waktu yang sama juga, menanamkan sifat menolong kawan sebaya dan juga pelajar-pelajar yang datang dari sekolah-sekolah Arab.

Sesi ceramah motivasi mengenai strategi dan tip memperkukuhkan kemahiran pelajar di dalam bahasa Arab juga merupakan antara pengisian festival ini.

Tingkatkan perhatian memandu semasa hujan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu dan hujan lebat yang berterusan sejak kebelakangan ini, beberapa kejadian kemalangan jalan raya berlaku di beberapa tempat di negara ini

Sehubungan itu, sebahagian laluan jalan raya di beberapa kawasan rendah juga telah ditenggelami air dan sukar untuk dilalui di samping pokok tumbang di beberapa tempat.

Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei menasihatkan para pengguna jalan raya supaya tidak memandu dengan laju, serta lebih berhati-hati dalam keadaan cuaca hujan lebat ketika ini.

Oleh itu, para pemandu disaran untuk sentiasa menitikberatkan aspek-aspek keselamatan semasa berada di jalan raya.